

Ku Li dakwa ada gerakan gagalkan—Dr M

KUALA LUMPUR: Ami Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah percaya kekalahan Tun Dr Mahathir Mohamad pada pemilihan perwakilan Umno Bahagian Kubang Pasu, Kedah, pada Sabtu lalu, dipengaruhi gerakan tertentu.

Tanpa menyatakan gerakan yang dimaksudkannya itu, Tengku Razaleigh berkata, beliau terkejut dengan kekalahan bekas Perdana Menteri terbabit dalam pemilihan berkenaan.

"Mesti ada (gerakan) berusaha memastikan beliau tidak dipilih," katanya di lobi Parlimen, semalam.

Beliau berkata demikian ketika mengulas kekalahan Dr Mahathir pada pemilihan perwakilan Umno Bahagian Kubang Pasu, Sabtu lalu.

Tengku Razaleigh berkata, sebagai seorang yang memimpin bahagian itu selama 30 tahun dan membawa banyak Pembangunan serta diiktiraf sebagai pemimpin besar dunia, Dr Mahathir sepatutnya mendapat laluan mudah.

"Saya terkejut kenapa secara tiba-tiba beliau tidak diperlukan oleh rakyat sedangkan baru saja melepaskan jawatan tiga tahun lalu, Ini sungguh mengejutkan dan saya tidak fikir orang Melayu bangsa tidak mengenang budi.

"Apa yang beliau minta untuk menjadi perwakilan, bukan Perdana Menteri atau Timbalan Perdana Menteri," katanya.